

11/03/2000

Negara maju boleh kongsi pengalaman

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pelan Tindakan Perkongsian Pengetahuan Global bukan saja memanfaatkan negara-negara membangun dari segi pembiayaan malah membolehkan mereka untuk berkongsi pengalaman mengenai aspek sosial dengan negara-negara maju.

Presiden Mimos Berhad dan Ketua Pegawai Eksekutif, Dr Tengku Mohd Azzman Sharriffadeen, berkata terdapat banyak masalah di negara-negara maju dan sesetengah penyelesaian itu boleh ditemui di negara kurang maju.

"Sesetengah negara Utara juga menghadapi masalah. Ada peserta di sini memberitahu bahawa kita dapat mengatasi sesetengah masalah sosial yang mereka tidak dapat selesaikan," katanya selepas menutup Persidangan Pengetahuan Global Kedua di sini, hari ini.

Mohd Azzman, berkata negara-negara maju mahu berkongsi maklumat dengan negara-negara Asia mengenai cara menangani kumpulan minoriti, warga tua, kurang upaya, kanak-kanak dan wanita.

Perkongsian seperti itu akan membolehkan kedua-dua pihak mendapat manfaat dari segi membiayai program serta mempelajari dari satu sama lain mengenai cara menangani masalah sosial.

Selepas lima hari perbincangan oleh lebih 1,200 peserta dari 120 negara, sebanyak 17 pelan tindakan dirangka oleh persidangan antarabangsa itu bagi menangani masalah akses, pemberian kuasa dan pentadbiran.

Persidangan anjuran Kerajaan Malaysia dan Global Knowledge Partnership dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Isnin lalu.

Lebih 12 pertubuhan dan individu telah bersetuju untuk melaksanakan setiap pelan tindakan itu, yang antara lain merancang untuk mewujudkan kewangan inovatif seperti dana modal usaha sama bagi membolehkan para pelabur memacu teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di negara mereka.

(END)